

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMK 101 – Pengantar Kesusastraan

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas peperiksaan mengandungi tiga bahagian. Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A dan Bahagian B. Pilih dan jawab SATU soalan sahaja di Bahagian C.

Bahagian A diperuntukkan 60 markah. Bahagian B diperuntukkan 15 markah dan Bahagian C diperuntukkan 25 markah.

Bahagian A (60 markah)

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A dan Bahagian B.

1. a) Huraikan definisi kesusasteraan saranan R.Wellek dan A.Warren sebagaimana yang terdapat di dalam bukunya, *Theory of Literature*.
- b) Jelaskan tiga (3) aspek yang membezakan di antara genre moden dan genre klasik.
- c) Jelaskan secara ringkas cakupan disiplin kesusasteraan
- d) Apakah yang dimaksudkan dengan naratif? Mengapakah naratif dianggap sebagai warisan tradisi?
- e) Huraikan secara ringkas tiga (3) aspek yang membina sesebuah cerpen atau novel.
- f) Jelaskan secara ringkas persoalan yang terdapat dalam cerpen “Runtuhnya Rumah dan Keluarga Usher” hasil karya Edgar Alan Poe.

Bahagian B (15 markah)

2. Bincangkan keistimewaan sajak “Gadis Kecil” (Usman Awang, 1976) ATAU “Yang Pasti” (Zurinah Hassan, 1982). Perbincangan boleh dikaitkan dengan aspek-aspek yang membangun sesebuah sajak seperti isi, mesej, unsur bahasa dan teknik. (Lampiran A)

Bahagian C (25 markah)

Jawab SATU soalan sahaja di bahagian ini.

3. Watak Mersault di dalam novel *Orang Terasing* merupakan watak yang tidak ada pegangan hidup. Bincangkan.
4. Pada penitian anda, apakah mesej yang ingin disampaikan oleh Shahnon Ahmad melalui novelnya, *Sutan Baginda*?

Lampiran A

Gadis Kecil

*Tubuh itu mengingatkan daku
sebatang pinang di desa sepi
kurus dan tinggi
ketika ribut besar
pohon sekitarnya rebah terkapar
dan pohon pinang tegak menanti
sinar matari pagi.*

*Demikianlah gadis kecil itu
kurus seperti sebatang pinang
bertahun berulang-alik melalui
penjara kawat duri menemui
ayahnya yang bertahun pula sendiri
menentang tiap penderitaan
tabah dan beriman.*

*Gadis kecil itu mengagumkan daku
tenang dan senyuman yang agung,
dengan sopan menolak pemberianku
“saya tak perlu wang, pak cik,
cukuplah kertas dan buku”.*

*Usianya terlalu muda
jiwanya didewasakan oleh pengalaman
tidak semua orang mencapai kekuatan demikian
ketabahan yang unik, mempesonakan.*

*Bila aku menyatakan simpati dan dukaku
rasa pilu terhadapnya
sekali lagi dia tersenyum dan berkata:
“jangan sedih, pak cik, tabahkan hati
banyak anak-anak seperti saya di dunia ini”.*

*Aku jadi terpaku
dia, si gadis kecil itu pula mententeramkan
mengawal ombak emosiku
jangan sedih melihat derita pahitnya.
Alangkah malunya hati seorang lelaki dewasa
yang mahu membela manusia derita terpenjara
menerima nasihat supaya tabah dan berani,
dari anak penghuni penjara itu sendiri?*

*Sepuluh anak seperti dia
akan menghapuskan erti seribu penjara.*

Usman Awang (1976)

Yang Pasti

*Kau mungkin bukan lelaki terbaik
tapi buat perempuan sepertiku
mungkin tidak ada yang lebih baik
darimu.*

*Aku mungkin tidak mendapat segala-galanya
tapi dengan keadaan begini
aku tidak meminta
yang lebih lagi.*

*Usahlah bertanya apakah aku bahagia
akupun tidak menyoal tentang perasaanmu
kerana kadang-kadang bila terlalu mahu memastikan
orang jadi semakin ragu
terlalu berbicara dan banyak menganalisa
orang jadi semakin tidak tahu.*

*Aku mungkin kurang pasti
tentang apa yang telah kukatakan
tapi yang pasti
kita tidak perlu terlalu pasti.*

Zurinah Hassan, Dewan Sastera, (1982)